



**BORANG PENGISYTIHARAN KEBANKRAPAN DAN KEBERHUTANGAN MELAMPAU
(Bagi Calon Jawatankuasa Surau)**

Saya, _____, No. Kad Pengenalan _____, menyedari dan bertanggungjawab bagi memastikan masjid dan surau sebagai pusat peribadatan umat Islam setempat, pusat keilmuan Islam, pusat dakwah dan tarbiah dan masjid sebagai pusat tanggungjawab keprihatinan sosial setempat dapat direalisasikan. Dengan itu, saya mengisytiharkan bahawa—

☐

Saya tidak pernah diisytiharkan bankrap di bawah **Akta Insolvensi 1967 (Akta 360)**,
atau;

☐

Saya *pernah* diisytiharkan bankrap tetapi telah mendapat perintah pelepasan (discharge) dan/atau perintah pembatalan (annulment) yang sah daripada Jabatan Insolvensi Malaysia;

atau;

☐

Saya *sedang* dalam prosiding kebangkrapan yang melibatkan diri saya dan mengakujaji untuk membuat pengisytiharan tambahan mengenai status prosiding kebangkrapan, status kewangan dan keberhutangan saya kepada pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dari semasa ke semasa;

☐

Saya tidak mempunyai keberhutangan yang melampau, iaitu jumlah potongan hutang atau obligasi kewangan yang melebihi **60%** daripada jumlah pendapatan bulanan saya;

atau;

☐

Saya mempunyai keberhutangan yang melampau, iaitu jumlah potongan hutang atau obligasi kewangan yang melebihi **60%** daripada jumlah pendapatan bulanan saya.

☐

Saya *tidak terlibat* dalam aktiviti penggubahan wang haram atau membuat pinjaman, pembiayaan atau kemudahan kredit daripada mana-mana pihak yang tidak mendapat kelulusan daripada dan/atau dan dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

☐

Saya bersetuju untuk memberikan kerjasama kepada pihak MAIS pada bila-bila masa untuk memeriksa rekod atau dokumen berkaitan dengan status kewangan dan keberhutangan saya apabila diminta.

Saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang saya berikan di atas adalah benar, betul dan lengkap. Saya faham sekiranya maklumat yang saya berikan di atas adalah palsu dan/atau tidak benar saya boleh dikenakan hukuman denda dan/atau penjara di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan/atau Akta Insolvensi 1967 dan/atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan/atau mana-mana undang-undang bertulis terpakai.

Saya faham bahawa jika saya didapati melanggar apa-apa pengisytiharan ini, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berhak mengambil apa-apa tindakan sewajarnya termasuk tetapi tidak terhad kepada pembatalan perlantikan atau tauliah saya di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, garis-garis panduan yang terpakai.

Dibuat dan diakui oleh:

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

*Sila tanda ☐ pada kotak yang berkenaan sahaja.